

Beraya tanpa tekanan lagi

Keluarga pesakit barah kini mampu berdikari selepas empat tahun terima bantuan



CUBA BERDIKARI: Bekas pesakit barah, Encik Muhd Khairi, membuat persiapan terakhir untuk Lebaran dan yang hebatnya bulan ini beliau sekeluarga tidak lagi menerima sebarang bantuan daripada mana-mana badan masyarakat selama beberapa tahun selepas bapanya dibuang kerja. - Foto TUKIMAN WARJI

31 Jul 2014

FARID HAMZAH

ENCIK Muhd Khairi Noralim dikesan menghidap barah testikular empat tahun lalu.

Pada masa yang sama bapanya yang juga satu-satunya pencari nafkah keluarga, Encik Noralim Darsono pula dibuang kerja.

Isu kewangan ternyata menjadi masalah besar bagi keluarga lima beranak itu pada ketika itu.

Akibat daripada masalah itu, ibunya Cik Noraini Abdul Hamid, 42 tahun, mengambil keputusan mendapatkan bantuan daripada beberapa pertubuhan.

Antaranya termasuk Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang memberikan kededua anaknya yang masih bersekolah tambang pengangkutan selain baju Hari Raya.

Persatuan Ain turut menyumbang bantuan bagi meringankan beban kos rawatan Encik Muhd Khairi.

Pihak sekolah pula memberikan uniform dan buku teks percuma kepada anak keduanya yang kini berusia 18 tahun dan bakal menduduki peperiksaan GCE Peringkat 'O' tahun ini.

Anak bongsunya yang mengalami masalah rendah IQ pula mendapat subsidi bagi pengangkutannya ke sekolah istimewa yang dihidungnya.

Encik Muhd Khairi yang ketika itu menuntut di Politeknik Republic (RP) pula mendapat biasiswa tahunan sepanjang tempoh tiga tahun menuntut di institusi pengajian tinggi itu.

"Sebelum itu pendapatan bapa saya ialah sekitar \$1,800 tapi selepas dibuang kerja kami semua terjejas.

"Terus terang kededua orang tua saya pernah bertengkar akibat masalah kesempitan wang yang dihadapi kami.

"Sehinggakan saya yang ketika itu menghidap barah pernah rasa tertekan dan rasa marah dengan diri saya sendiri kerana penyakit saya itu dan tidak mampu membantu mereka," kata jejaka berusia 21 tahun itu lagi.

Mujur baginya barah yang dihidapinya masih di tahap pertama dan selepas dibedah, beliau sudah mampu menjalani kehidupan seperti biasa.

Tempoh tersebut merupakan saat paling genting bagi keluarga tersebut.

Tanpa disedari hampir tiga tahun sudah pun berlalu.

Ternyata kesabaran, kerajinan disusuli doa telah membantu mereka mengharungi masa sukar itu.

Mulai bulan ini, keluarga tersebut menyambut Aidilfitri tanpa sebarang jenis bantuan.

Ini selepas Cik Noraini, yang tidak bekerja kerana menjaga anak bongsunya berusia 16 tahun yang kurang upaya, telah minta dikecualikan daripada semua bantuan itu buat sementara waktu.

Sebabnya, Encik Muhd Khairi yang merupakan anak sulungnya akan mula menjalani Perkhidmatan Negara (NS) seminggu selepas Lebaran dan dijangka mampu berdikari sepanjang tempoh itu.

Tambahan pula suaminya yang berusia 50 tahun sudah pun mula bekerja sebagai pemandu dan meraih pendapatan yang sama seperti sebelum beliau dibuang kerja.

"Saya rasakan biarlah bantuan-bantuan itu semua disalurkan kepada golongan yang lebih memerlukan buat sementara waktu ini.

"Mungkin apabila Khairi ingin menyambung pengajian di universiti, kami akan mohon semula bantuan untuknya," kata Cik Noraini.

Encik Muhd Khairi yang merupakan bekas penuntut jurusan Bioteknologi di RP bercadang melanjutkan pengajiannya di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) selepas tamat latihan NS-nya.

"Permohonan saya untuk bidang Sains Biologi telah ditolak kali pertama.

"Tapi saya tidak akan berputus asa dan akan terus memohon untuk mendapatkan tempat dalam jurusan yang saya idamkan itu," katanya lagi.

"Sebelum itu pendapatan bapa saya ialah sekitar \$1,800 tapi selepas dibuang kerja kami semua terjejas.

Terus terang kededua orang tua saya pernah bertengkar akibat masalah kesempitan wang yang dihadapi kami.

Sehinggakan saya yang ketika itu menghidap barah pernah rasa tertekan dan rasa marah dengan diri saya sendiri kerana penyakit saya itu dan tidak mampu membantu mereka."

- Encik Muhd Khairi Noraim, 21 tahun, yang menghidap barah testikular sebelum ini.